KENYATAAN MEDIA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

AKTA PERKHIDMATAN PARLIMEN DAN PINDAAN PERLEMBAGAAN BERKUAT KUASA 1 OKTOBER 2026

PUTRAJAYA, 1 Oktober 2026 – Kerajaan MADANI merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Sultan Ibrahim atas perkenan Baginda menetapkan 1 Oktober 2026 sebagai tarikh kuat kuasa Akta Perkhidmatan Parlimen 2025 [Akta 869] serta pindaan berkaitan kepada Perlembagaan Persekutuan.

Penguatkuasaan akta ini merupakan antara pencapaian signifikan agenda reformasi institusi Kerajaan MADANI dan satu detik bersejarah bagi Parlimen Malaysia setelah Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 [Akta 394] dimansuhkan melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 1992 [Akta A837] berkuat kuasa pada 20 November 1992. Setelah lebih tiga dekad, Akta 869 mengembalikan semula autonomi Parlimen melalui pewujudan suatu perkhidmatan khusus yang membolehkan Parlimen menguruskan pentadbiran, sumber manusia dan hal ehwalnya dengan lebih bebas dan berkesan. Ia sekali gus memperkukuh kedudukan Parlimen sebagai badan perundangan tertinggi dalam sistem demokrasi berparlimen negara.

Reformasi ini turut mencerminkan komitmen Kerajaan MADANI yang mendukung prinsip doktrin pengasingan kuasa dan sistem semak dan imbang antara cabang perundangan, eksekutif dan kehakiman. Dengan

autonomi institusi yang lebih kukuh, Parlimen dapat melaksanakan fungsi perlembagaan serta tanggungjawabnya kepada rakyat dengan lebih bebas, berkesan dan berwibawa.

Sehubungan dengan itu, saya merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Ketua Majlis Parlimen, Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Barisan Jemaah Menteri, Ahli-Ahli Parlimen, Parlimen Malaysia, Jabatan Peguam Negara serta semua kementerian, jabatan, agensi dan pihak berkepentingan termasuk badan bukan kerajaan serta organisasi masyarakat sivil atas kerjasama dan sumbangan dalam merealisasikan reformasi penting ini.

Kerajaan MADANI akan terus melaksanakan agenda reformasi institusi secara tersusun dan berterusan bagi memperkukuh institusi demokrasi negara serta memastikan keyakinan rakyat terhadap institusi negara terus terpelihara.

AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)
1 OKTOBER 2026

MALAYSIA MADANI